



**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
SOALAN – SOALAN LAZIM  
PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA NEGERI SARAWAK**

**1. Apakah itu Program Rekalibrasi Tenaga Kerja?**

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKS).

**2. Siapakah yang layak menyertai Program ini?**

<b>KELAYAKAN MAJIKAN</b>
i. Hanya majikan daripada sektor <b>perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan, perkhidmatan (pengangkutan, restoran, kedai makan, borong &amp; runcit, dan pembersihan &amp; pencucian), dan perlombongan &amp; kuari SAHAJA;</b>
ii. Tertakluk kepada kuota yang diluluskan oleh JTKS;
iii. Pematuhan kepada syarat-syarat penggajian pekerja asing sedia ada seperti had umur, bayaran levi, kelayakan pas dan sebagainya; <b>DAN</b>
iv. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam.

## KELAYAKAN PATI

Terbuka kepada warga asing seperti berikut:

- i. Pemegang Pas Lawatan Sosial (PLS), Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) termasuk Pembantu Rumah Asing yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal lebih masa di bawah Akta Imigresen 1959/63 pada atau sebelum 31 Disember 2020;
- ii. Pemegang PLKS yang melakukan kesalahan melanggar syarat pas di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang pasnya masih sah pada atau sebelum 31 Disember 2020.
- iii. Hanya terdiri daripada 16 negara sumber SAHAJA (Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Turksmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, India, Indonesia dan China);
- iv. PATI dari negara sumber China hanya dibenarkan untuk sektor perlombongan dan kuari sahaja;
- v. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam;
- vi. Mempunyai dokumen perjalanan negara asal yang masih sah laku sekurang-kurangnya 03 bulan dan memperbaharui dokumen perjalanan di Pejabat Kedutaan PATI tersebut setelah mendaftar;
- vii. Mempunyai slip keputusan negatif bagi ujian COVID-19 yang dibuat dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh janji temu; DAN
- viii. Telah menjalani saringan pemeriksaan kesihatan dimana PATI diperakui adalah (*Fit To Work*) oleh klinik yang telah diakreditasi oleh KKM.

**3. Berapakah kos yang perlu dibayar bagi program ini?**

<b>KADAR BAYARAN</b>		
<b>Wang Cagaran</b>	<b>Fi Rekalibrasi</b>	<b>Lain-lain bayaran</b>
RM 500.00 setiap pekerja asing (pembayaran secara atas talian)	RM 1,500.00 setiap pekerja asing	a. Pemeriksaan kesihatan; b. Levi; i. RM 1010.00 (sektor Perkilangan dan Pembinaan) ii. RM 590.00 (sektor Perladangan) iii. RM 410.00 (sektor Pertanian) iv. RM 1490.00 (sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & Kuari) c. RM 125.00 (pemprosesan); d. RM 60.00 PLKS; dan e. Visa (mengikut warganegara)

Kaedah pembayaran adalah secara kad kredit dan kad debit **SAHAJA**. Pembayaran secara **TUNAI** tidak diterima.

**4. Bilakah jangka masa / tempoh Program ini dilaksanakan?**

Program ini dilaksanakan mulai 15 Mac 2021 sehingga 31 Disember 2021.

**5. Adakah program ini melibatkan vendor atau pihak ketiga?**

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKS) tanpa penglibatan vendor atau pihak ketiga.

**6. Bagaimana untuk menyertai Program ini?**

Majikan boleh mendapatkan maklumat mengenai Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dan mendaftar melalui pautan <https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/main>

**7. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan?**

Majikan boleh mengambil tindakan berikut dalam masa yang sama iaitu;

- **Verifikasi PATI**

JIM akan menghubungi majikan untuk hadir bersama PATI di Bahagian Penguatkuasa JIM bagi urusan seterusnya. Majikan hendaklah mendapatkan dokumen pengesahan verifikasi PATI daripada JIM.

- **Perakuan Rekalibrasi**

Mengemukakan permohonan Rekalibrasi secara atas talian *Monitoring System On The Employment Of Non-Sarawakian (MSEN)* menerusi laman web Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKS) melalui laman web [msen3.sarawak.gov.my](https://msen3.sarawak.gov.my) di bawah JTKS.

**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SARAWAK**